

PARLIMEN-JAWATAN

1978

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA) — BUMIPUTERA HANYA MEMEGANG 49 PERATUS JAWATAN-JAWATAN KERAJAAN DALAM KUMPULAN ++ SEMENTARA BUKAN BUMIPUTERA 51 PERATUS.

BAHKAN BAGI PERKHIDMATAN IKHTISAS SEPERTI DOKTOR, AKAUNTAN DAN JURUTERA, BUMIPUTERA HANYA TERDIRI DARI 25 PERATUS MANAKALA BUKAN BUMIPUTERA 75 PERATUS, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU MEMBERIKAN BUTIR-BUTIR INI KEPADA PERTANYAAN ENCIK LEE KAW (DAP-KELUANG) DI DEWAN RAKYAT HARI INI YANG MAHU TAHU GAMBARAN BERBILANGAN KAUM DALAM PERKHIDMATAN AWAM, TENTERA, PEMBERIAN TANAH KERAJAAN DAN PEMBERIAN PINJAMAN PERNIAGAAN.

MENGENAI PINJAMAN PERNIAGAAN SEMENJAK TAHUN 1969, TABUNG PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDF) TELAH MENGELUARKAN PINJAMAN SEBANYAK:-

- + \$454.5 JUTA UNTUK 1,407 PROJEK KEPADA CHINA.,
- + \$89.6 JUTA UNTUK 262 PROJEK KEPADA BUMIPUTERA.,
- + \$0.8 JUTA BAGI 11 PROJEK KEPADA KAUM INDIA, DAN
- + \$33.5 JUTA BAGI 22 PROJEK KEPADA RAKYAT MALAYSIA DARI KAUM-KAUM LAIN. — BERSAMBUNG HM 1655

22

B542

PARLIMEN-JAWATAN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMBERIAN TANAH KERAJAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PENDUDUK-PENDUDUK DALAM SEKTOR PERTANIAN KEBANYAKANNYA TERDIRI DARI SATU KAUM YANG TERTENTU — IAITU BUMIPUTERA.

SEKTOR PERTANIAN INI JUGA KEBETULANNYA YANG TERDAPAT KADAR KEMISKINAN YANG TINGGI.

OLEH ITU SEBARANG USAHA PEMBERIAN TANAH KEPADA GOLONGAN MISKIN YANG KEBETULAN TERDIRI DARI KALANGAN BUMIPUTERA TIDAKLAH BOLEH DIANGGAP BAHAWA KERAJAAN MENGUTAMAKAN SATU-SATU KAUM SAJA DAN MENGABAIKAN KAUM YANG LAIN, TEGASNYA.

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA BILANGAN CALON BUKAN BUMIPUTERA YANG MEMOHON JAWATAN-JAWATAN KERAJAAN DALAM KUMPULAN +C+ DAN +D+ DAN ANGGOTA TENTERA SEBAGAI ANGGOTA PANGKAT RENDAH ADALAH SEDIKIT JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PEMOHON-PEMOHON BUMIPUTERA.

KEADAAN INI TERJADI BUKANLAH KERANA KURANGNYA PELUANG YANG DIBERIKAN KEPADA BUKAN BUMIPUTERA TETAPI ADALAH KERANA KURANGNYA MINAT MEREKA MEMOHON JAWATAN-JAWATAN TERSEBUT, KATANYA LAGI.

— BERNAMA HM 1600